

1977

BALING, 3 MEI (BERNAMA)-- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR HARI INI MENYERU SEMUA GOLONGAN RAKYAT BERGERAK DAN BEKERJA SEBAGAI SATU MASYARAKAT YANG BERSATU PADU BAGI MENJAMIN KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN YANG LEBIH PESAT DI NEGARA INI.

BELIAU JUGA MENYERU SEMUA WAKIL RAKYAT, PEGAWAI KERAJAAN DAN RAKYAT BERSATU PADU DAN BEKERJASAMA SEBAGAI SATU JENTERA DALAM SEMUA BIDANG TERUTAMA PEMBANGUNAN.

DR. MAHATHIR MEMBUAT SERUAN ITU SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT KESELAMATAN DAN PEMBANGUNAN DI BILIKGERAKAN PEJABAT DAERAH DISINI.

KATANYA, PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN HENDAKLAH SENTIASA BERHUBUNG RAPAT DENGAN RAKYAT DENGAN MENGADAKAN MAJLIS-MAJLIS DIALOG UNTUK MENGETAHUI MASAALAH DAN KESULITAN MEREKA DAN Mencari JALAN BAGI MENYELESAIKANNYA.

TAMBAHNYA, +WALAU PUN KADANG KALA WAKIL-WAKIL RAKYAT DAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN MEMPUNYAI PENDAPAT YANG BERLAINAN, MEREKA PERLU MENGENEPIKAN PERASAAN MASING-MASING DAN SEBALIKNYA BEKERJASAMA BAGI MENJAYAKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN. -- BERSAMBUNG 1330/1B

££

B520:

MAHATHIR 2 BALING

KEMUDIAN KETIKA MERASMIKAN SEKOLAH MENENGAH TUNKU PUTRA BERHARGA \$413,000 DI SINI, DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MENYERU PEHAK SEKOLAH DAN IBUBAPA BERHATI-HATI MEMERHATIKAN GERAK-GERI ANAK-ANAK MEREKA BAGI MENGELAKKAN MEREKA DARI PENGARUH-PENGARUH LIAR YANG TIDAK DIINGINI LAGI MERBAHAYA KEPADA KETENTERAMAN DAN KESELAMATAN NEGARA.

BELIAU BERKATA, MURID-MURID DAN BELIA YANG BARU MENINGGALKAN BANGKU SEKOLAH MUDAH DIPENGARUHI OLEH GEJALA-GEJALA PENYALAHGUNAAN, DADAH, ANASIR KOMUNIS DAN ANASIR-ANTI NASIONAL.

MENGENAI KEMAJUAN SESEORANG MURID, BELIAU BERKATA, WALAU PUN KEPUTUSAN UJIAN ATAN PEPERIKSAAN MERUPAKAN FAKTOR UTAMA, TETAPI IA TIDAK HARUS DITERIMA SEBAGAI UKURAN YANG TUNGGAL UNTUK MEMENTUKAN KEMAJUAN SESAORANG PELAJAR.

KATANYA, UKURAN KEMAJUAN MURID ADALAH MELIBATKAN PEMBENTUKAN SIKAP DAN NILAI-NILAI POSITIF.

INI TERMASUK SIKAP INGIN MAJU, CINTAKAN PERLADUAN, SANGGUP BEKERJASAMA, JUJUR, IKHLAS, BERTANGGUNG JAWAB, BERDISIPLIN DAN SEDIA MEMBERI SUMBANGAN KEPADA MASYARAKAT DAN MENYERTAI KEGIATAN MASYARAKAT BAGI MENCAPAI KEMAJUAN YANG LEBIH TINGGI UNTUK KEPENTINGAN MASA DEPAN NEGARA. -- BERNAMA 1348/1B

MAHATHIR 3 BALING (SAMBUNGAN BERITA B520)

PETANG INI, SEMASA BERUCAP KEPADA AHLI-AHLI BARISAN NASIONAL DI SINI, DR. MAHATHIR SEKALI MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN BARISAN NASIONAL ADALAH ADIL DAN SAKSAMA KERANA IA BUKAN SAJA BERKHIDMAT UNTUK FAEDAH ORANG-ORANG MELAYU SAJA TETAPI UNTUK SEMUA KAUM DI NEGARA INI.

KATANYA, IA ADALAH MERUPAKAN SATU BENTUK KERAJAAN YANG LEBIH BAIK LAGI JUJUR DARIPADA LAIN-LAIN BENTUK KERAJAAN.

TEGASNYA, BUAT MASA SEKARANG DAN BEBERAPA WAKTU YANG AKANDATANG, TIDAK ADA CORAK KERAJAAN YANG LEBIH BAIK DARI KERAJAAN BARISAN NASIONAL.

YANG DEMIKIAN, TAMBAHNYA, PERPADUAN DAN KEUTUHAN BARISAN NASIONAL PERLU DIKEKALKAN DEMI KESEJAHTERAAN DAN KESELAMATAN RAKYAT DAN NEGARA.

DR. MAHATHIR YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO MEMUJI PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO YANG JUJUR DAN TIDAK TAMAKKAN KUASA TETAPI SEBALIKNYA BERSEDIA BEKERJASAMA DENGAN MANA-MANA PARTI RAKAN YANG MELETAKKAN KEPENTINGAN NEGARA DIATAS KEPENTINGAN DIRI SENDIRI. -- BERNAMA